

## Tok Wan mengundi kali ke-14

Oleh **A. MALEK ASLIE**  
penarang@utusan.com.my

■ **PARIT BUNTAR 25 APRIL**

**S** EORANG lelaki berusia 100 tahun, Amri Hassan tidak sabar untuk mengundi pada 9 Mei ini yang merupakan kali ke-14 mengundi dalam pilihan raya umum.

Dilahirkan pada 1 September 1918, Amri atau Tok Wan yang menetap di Kampung Sungai Betul Bawah, Tanjung Piandang di sini mula mengundi sejak pilihan raya umum pertama lagi pada 1955.

Menurutnya, dia mula mengundi pada 27 Julai 1955 yang merupakan pilihan raya umum tunggal di Persekutuan Tanah Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan 1957.

Ketika itu jelasnya, dia mengundi di kawasan Kerian Darat yang kini dikenali Parlimen Parit Buntar manakala Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah Simpang Lima sebelum ditukar nama kepada DUN Titi Serong dan kekal sehingga hari ini.

"Tok Wan bersyukur kerana sejak pilihan raya umum pertama negara pada 1955 sudah mengundi dan mahu menunaikan tanggungjawab buat kali ke-14 kali ini," katanya di sini, hari ini.

Menceritakan kisahnya sewaktu mengundi dalam pilihan raya umum pertama, Amri berkata, dia terpaksa berjalan kaki sejauh 10 kilometer dari rumahnya ke tempat mengundi di Tanjung Piandang.

"Saya berjalan kaki menempuh batas sawah semata-mata mahu menunaikan tanggungjawab mengundi," katanya.

Pernah melalui kepayahan hidup pada zaman pemerintahan Jepun, Amri bersyukur kerana keadaan negara yang aman di bawah pemerintahan sendiri selepas penjajahan British.

Katanya, ketika dijajah, rakyat menderita terutama di zaman penaklukan Jepun walaupun tempohnya singkat.

"Kerajaan yang ada perlu dikekalkan, biarlah Tok Wan sahaja yang harungi sejarah duka, Tok Wan tidak mahu tengok cucu cicit menerima nasib macam di zaman Tok Wan dahulu ketika negara dijajah," katanya.



**AMRI HASSAN** menunjukkan kad pengenalan yang membuktikan usianya 100 tahun di Kampung Sungai Betul Bawah, Parit Buntar, Perak, semalam. - UTUSAN/A. MALEK ASLIE